

ELEMEN PEMBENTUKAN AKHLAK DAN MORAL: PENELITIAN TERHADAP MODUL PENGAJIAN KURSUS TITAS DI UNIVERSITI MALAYA

Elements of Akhlak and Morals Formation: Research on Learning of Module TITAS courses at University of Malaya

Faridah Che Husain¹, Khairul Hamimah Mohd Jodi², Zawiah Hj. Mat³, Fakhrul Adabi Abdul Kadir⁴

ABSTRAK

Pembentukan akhlak dan moral dalam kalangan pelajar merupakan agenda utama dalam aspirasi pendidikan negara. Fenomena kelunturan nilai, akhlak dan moral semakin dirasai apabila melibatkan golongan berpendidikan tinggi. Hal ini berdasarkan pelbagai kes yang dilaporkan oleh akhbar yang melibatkan pelajar di institusi pendidikan tinggi. Antaranya ialah penglibatan pelajar dalam gejala penagihan dadah, menyembunyikan kelahiran dan pembuangan bayi, kes buli, jenayah bunuh dan sebagainya. Sehubungan itu, pelaksanaan kursus TITAS di peringkat institusi pengajian tinggi adalah sangat signifikan dan relevan dalam konteks dunia hari ini yang semakin mencabar kewibawaan akhlak dan moral manusia. Justeru, artikel ini akan mengupas elemen-elemen pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus TITAS yang dilaksanakan di Universiti Malaya. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada modul TITAS, jurnal dan tinjauan artikel berkaitan pembentukan akhlak dan moral yang dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti elemen-elemen pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus TITAS. Kajian mendapat wujud beberapa elemen yang mampu menyumbang ke arah pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus TITAS yang ditawarkan di Universiti Malaya.

Kata kunci: elemen, akhlak dan moral, modul TITAS

ABSTRACT

The formation of *akhlak* and moral among students is the main agenda in the aspirations of national education. The phenomenon of gradual value, *akhlak* and moral increasingly felt when involving those well-educated. It is based on various cases reported by involving students in

¹ Faridah Che Husain, MA, Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training (CITra), Universiti Malaya, irdina@um.edu.my.

² Khairul Hamimah Mohammad Jodi, PhD, Institute for Academic Excellence, Open University Malaysia, khairul_hamimah@oum.edu.my.

³ Zawiah Hj. Mat, PhD, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal Melaka, zawiah@utem.edu.my.

⁴ Fakhrul Adabi Abdul Kadir, PhD, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, fakhruladabi@um.edu.my.

higher education institutions. Among them is the involvement of students in the symptoms of drug addiction, hiding the birth and abandoned babies, cases of bullying, murder and so on. Hence, the implementation of TITAS at the higher education institutions is significant and relevant in the context of today's world which is increasingly challenging the integrity of *akhlak* and moral of human. Therefore, this article will discuss how elements of the formation of *akhlak* and moral education inserting in the TITAS module in University of Malaya. This article uses a qualitative approach using the design analysis document. Documents analysed consists of TITAS modules, journal and articles review on the *akhlak* and moral. Thematic analysed is used in order to identify elements of the *akhlak* and moral in TITAS module. The study found several elements which can contribute to the formation of moral and *akhlak* in TITAS course module offered at University of Malaya.

Keywords: element, *akhlak* and morals, TITAS module

Pengenalan

Pelaksanaan kursus TITAS adalah selari dengan aspirasi negara yang peka terhadap perubahan semasa bagi menghasilkan kurikulum terkini yang diperlukan negara, pasaran dan pelajar. Nilai-nilai ketamadunan yang diterapkan dalam pengajian kursus TITAS mampu memupuk nilai-nilai murni dan seterusnya membentuk akhlak dan moral dalam diri pelajar. Menurut Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pendidikan Malaysia, pendidikan dan pembangunan perlu bermula dari peringkat awal usia lagi bagi memanfaat potensi maksimum generasi pelajar agar mereka dapat menamatkan pelajaran pada peringkat pendidikan tinggi dengan keseimbangan akhlak dan ilmu, menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan dapat memberikan sumbangan berimpak tinggi kepada negara dan dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Pemantapan akhlak dan moral yang sempurna dapat melahirkan pelajar yang mampu mencetuskan kesejahteraan insan dalam sesebuah masyarakat serta menjadi agen kelangsungan perkembangan sesebuah tamadun. Kekuatan dalaman yang terjelma melalui manifestasi pengamalan nilai-nilai murni yang universal sangat penting dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Bagi menghadapi cabaran ini, kekuatan dalaman akhlak, moral dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar perlu dipupuk sebagai benteng untuk melawan sebarang ancaman yang merosakkan nilai akhlak, moral dan etika mereka. Justeru, pengajian kursus TITAS adalah sangat relevan dan sesuai sebagai salah satu kursus yang berpotensi untuk memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

Definisi Ahklak dan Moral

Perkataan akhlak (أخلاق) dari segi etimologi adalah berasal dari bahasa Arab iaitu jamak kepada *khuluq* (خلق) yang bermaksud budi pekerti, perangai, adab, tingkah laku (tabiat) adat kebiasaan, maruah dan agama (Noresah eds., 2005; Ahmad, 1994; Ayden, 1992). Perkataan ini mempunyai persamaan dengan perkataan خالق yang bermaksud kejadian yang erat hubungannya

dengan pencipta dan perkataan مخلوق yang bermaksud yang diciptakan. Istilah ini digunakan oleh al-Qur'an dalam Surah al-Qalam: ayat 4 sebagaimana firman Allah yang bermaksud,

"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat mulia."

Menurut istilah perkataan akhlak atau *khulk* (budi pekerti) merupakan suatu keadaan atau sifat yang telah meresap dalam jiwa dan menjadi keperibadian sehingga menimbulkan pelbagai perbuatan secara spontan dan mudah tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan fikiran. Kelakuan yang baik dan terpuji menurut pandangan syari'at dan akal fikiran dinamakan sebagai budi pekerti mulia, manakala kelakuan yang buruk disebut sebagai budi pekerti yang tercela (Asmaran, 1994).

Istilah moral pula adalah berasal daripada bahasa Latin *mores* bermaksud keadaan satu-satu tindakan manusia, sama ada secara individu atau kelompok (Ghazali, 2007). Selain itu, *mores* juga bererti kebiasaan atau adat. (Bertens, 2003), Istilah *mores* ini dapat diertikan juga sebagai *ethos* dalam bahasa Greek (Runes, 1979). Menurut definisi beberapa kamus (Noresah (ed.), 2005; Poerwadarminto, 2006; Thompson (ed.), 1995), moral bermaksud ajaran atau pegangan tentang baik buruk sesuatu perkataan, kelakuan, sikap atau cara yang diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak.

Pengertian moral merangkumi perbuatan, tingkah laku atau ucapan seseorang semasa berinteraksi dengan manusia lain. Dalam moral diatur segala perbuatan yang dinilai baik dan perlu dilakukan, dan perbuatan yang dinilai tidak baik perlu dihindari. Menurut Bertens (2003) apabila moral dikaitkan dengan adat ini bermakna sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang sudah menjadi adat kebiasaan dan diterima oleh sebuah masyarakat. Sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang jika sesuai dengan nilai, diterima dan menyenangkan lingkungan masyarakatnya, maka orang itu dianggap mempunyai moral yang baik, begitu juga sebaliknya.

Objektif

Artikel ini mempunyai objektif yang telah dirangka iaitu untuk mengenal pasti elemen-elemen pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus TITAS di Universiti Malaya.

Metodologi

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian tekstual dengan menggunakan reka bentuk kajian dokumentasi. Teknik menganalisis dokumentasi yang terdiri daripada Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia, buku Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta buku Tamadun Islam dan Tamadun Melayu. Ketiga-tiga buku ini merupakan teks rujukan utama yang digunakan dalam pengajian kursus TITAS di Universiti Malaya. Selain itu, buku, jurnal dan artikel yang berkaitan dengan pembentukan akhlak dan moral juga dirujuk. Menurut Rozmi (2017) dan Brown et al. (1999) analisis dokumen

menggunakan interpretasi subjektif terhadap kandungan data dalam bentuk teks melalui proses pengklasifikasian pengekodan sistematik serta mengenal pasti corak penulisan dan tema. Oleh itu, analisis dokumen dilakukan untuk menskemakan pengekodan, menghasilkan kategori, melihat ketekalan, membuat kesimpulan dan tema kajian mengenai unsur-unsur pembentukan akhlak dan moral yang terdapat dalam dokumentasi tersebut.

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada modul TITAS, jurnal dan tinjauan artikel berkaitan pembentukan akhlak dan moral yang dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti elemen-elemen pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus TITAS. Hasil dapatan menunjukkan wujud beberapa elemen yang mampu menyumbang ke arah pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus TITAS yang ditawarkan di Universiti Malaya.

Kajian Lepas

Kursus TITAS berupaya membentuk akhlak dan moral pelajar selaras dengan hasil pembelajarannya untuk melahirkan pelajar yang mempunyai sikap hormat menghormati, mengamalkan nilai-nilai murni dan mempunyai jati diri sebagai warganegara (Kementerian Pengajian Tinggi, 2013). Kajian Mohamad Khairi (2004) dan Mohamad Azhari (2002) mendapati kursus TITAS banyak memberi manfaat kepada pelajar. Antaranya kajian Othman Yatim (1995) mendapati pendedahan topik-topik tamadun yang dipelajari mampu membentuk tingkah laku pelajar. Selain itu kursus ini juga berupaya memberi impak yang positif melalui tugas di luar kelas (Nandu, 2010). Kajian Khairul Anwar Mastor (1995) mendapati kursus ini mengubah persepsi pelajar bukan Islam terhadap Islam yang mana lebih 50% daripada 181 pelajar bukan Melayu berpendapat kursus Tamadun Islam dan Kenegaraan memberi manfaat kepada pelajar.

Terdapat kajian yang membuktikan kursus TITAS menyumbang kesedaran dalam diri pelajar mengenai kepentingan nilai-nilai bersama sebagai faktor keharmonian masyarakat. Kajian Mohd. Balwi et al. (2003) mendapati pengajian tamadun Islam dan Asia dapat menjadi asas kewujudan nilai-nilai jati diri, persamaan, toleransi, persefahaman dan kejayaan dalam kalangan pelajar universiti. Kursus ini juga mampu mengubah minda pelajar dan masih relevan sehingga kini (S. Salahudin Suyurno, 2004; Roni, 2001) dengan memperkemas mutu pengajaran dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Kursus TITAS mampu memupuk nilai-nilai kemahiran insaniah seperti berfikiran kritis dan berkemahiran menyelesaikan masalah, memupuk nilai-nilai etika dan moral, profesional dan berkerja secara berpasukan, pembelajaran berterusan dan mengurus maklumat (Ros Aiza, et.al, 2011). Hal ini turut disokong oleh Elias (2010) yang menjelaskan bahawa pembangunan moral pelajar dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang selamat, mengurangkan kes buli, masalah disiplin, kecurian malah mampu melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri. Sementara Halstead (2007) dan Khuram (2007) mengenangkan tentang kepentingan nilai

akhlak dalam kehidupan seharian manusia. Hal ini penting kerana pelajar merupakan generasi yang akan mencorakkan negara dan masyarakat.

Pelaksanaan Kursus TITAS di Universiti Malaya

Kursus TITAS mula ditawarkan kepada semua pelajar Ijazah Pertama Universiti Malaya mulai sesi akademik 1998/1999. Kursus TITAS mempunyai keunikan tersendiri berdasarkan isi kandungan kursus yang istimewa dan diwajibkan kepada semua pelajar universiti awam tanpa mengira bidang pengajian mereka (Osman Bakar et al (eds.) (2009). Pada ketika ini ia dikenali sebagai Kursus TITAS Kertas 1 dan TITAS Kertas 2 yang memperuntukkan 2 jam kredit setiap kertas. Kertas 1 merangkumi topik Pengenalan Ilmu Ketamadunan dan Tamadun Islam. Manakala Kertas 2 merangkumi kelompok tamadun Asia seperti Tamadun Melayu, Tamadun Peribumi Malaysia, Tamadun India, Tamadun Cina, Tamadun Jepun serta Cabaran Kontemporari dan Masa Depan.

Kursus TITAS terus mengalami perubahan dan penambahbaikan selari dengan perkembangan semasa. Bermula sesi 2005/2006 Kursus TITAS dan Kursus Hubungan Etnik mula ditawarkan kepada pelajar bagi menggantikan kursus TITAS Kertas 1 dan TITAS Kertas 2. Kursus TITAS dijalankan melalui pelbagai pendekatan sesuai dengan keperluan universiti. Dari masa ke semasa kursus TITAS di Universiti Malaya telah mengalami beberapa proses penambahbaikan selari dengan keperluan semasa dan Jawatankuasa Induk Kursus TITAS di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi. Sehingga kini silibus kursus TITAS menumpukan topik-topik seperti Pengenalan Ilmu Ketamadunan, Tamadun Islam, Tamadun Melayu, Tamadun India, Tamadun Cina serta Isu-isu Semasa dan Masa Depan.

Kursus TITAS mempunyai hasil pembelajaran sebagaimana yang digariskan dalam buku Panduan Mata Pelajaran Pengajaran Umum (MPU) Edisi Kedua (2016) iaitu:

1. membincangkan peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia;
2. memperkenalkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaiannya lanskap budaya;
3. menghubungkan kait elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa.

Kursus TITAS yang ditawarkan di Universiti Malaya dikendalikan oleh *Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training* (CITra). Kursus ini memperuntukkan sebanyak 2 jam kredit. Strategi pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS dilaksanakan secara kuliah, lawatan ilmiah, kerja kursus dan pembentangan. Dari segi pemberatan penilaian adalah berdasarkan penilaian berterusan sebanyak 70 peratus dan peperiksaan 30 peratus (Borang Pro Forma Kursus – UM-PT01-PK03-BR003-S04).

Kursus TITAS sangat relevan ditawarkan kerana ia dapat menimbulkan kesedaran kepada pelajar yang secara realitinya berhadapan dengan kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Pelajar pelbagai kaum yang mengikuti kursus ini dapat memupuk perasaan saling

menghormati dan memahami kepentingan dan sumbangan setiap tamadun dalam membangunkan negara Malaysia.

Elemen-elemen Pembentukan Akhlak dan Moral dalam Modul Pengajian Kursus TITAS

Elemen pembentukan akhlak dan moral dalam pengajian kursus TITAS di Universiti Malaya dinyatakan dalam borang pemetaan kemahiran insaniah (KI) sebagai kursus yang mempunyai ciri-ciri KI iaitu etika dan moral professional (EM), kemahiran komunikasi (CS) dan kerja berpasukan (TS) (Borang Pemetaan: Kursus-Kemahiran Insaniah, UM-PT01-PK03-BR008-S01). Elemen pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus TITAS di Universiti Malaya dilihat berdasarkan Modul Pengajian TITAS (2009), buku rujukan utama iaitu teks Tamadun Islam dan Tamadun Asia (2002) dan teks Tamadun Islam dan Tamadun Melayu (2006). Elemen yang dikenal pasti disusun berdasarkan tema-tema seperti kepercayaan dan agama, kekeluargaan, ilmu dan pendidikan, pemikiran, kesenian, kesusasteraan serta sains dan teknologi.

Kepercayaan dan agama

Kepercayaan dan agama adalah salah satu elemen pembentukan akhlak dan moral pelajar yang terdapat dalam kursus TITAS. Kepercayaan dan agama merupakan unsur penting dalam pengajian ketamadunan, sebahagian daripada kehidupan manusia dan menjadi keseimbangan pencapaian sesbuah tamadun dari aspek rohani dan material (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Menurut Ali dan Aizan (2006) agama memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik akhlak dan moral seseorang. Kehidupan berbudi pekerti mulia dan bermoral adalah aspek utama dalam kehidupan bertamadun. Menurut Mohd Zuhdi (2006), pembinaan sifat mulia dalam diri seseorang berkait rapat dengan kepercayaan yang diterima, manakala kepercayaan pula merujuk kepada kehidupan seseorang sebagai individu yang beragama. Individu yang dibesarkan dalam suasana menghayati ajaran-ajaran agama sejak kecil akan dapat membina peribadi dan sahsiah diri yang baik. Kehidupan beragama telah membentuk pandangan semesta dan nilai kehidupan yang terpuji dalam masyarakat.

Topik berkaitan kepercayaan dan agama dibincangkan dalam Modul TITAS dan teks rujukan utama iaitu topik tamadun Islam dan Melayu yang mengenangkan kesucian agama Islam; topik tamadun India dengan agama Hindu, agama Buddha, Empat kebenaran Mulia, Lapan Jalan Mulia, Mazhab Hinayana dan Mahayana, agama Sikh; serta topik tamadun Cina dengan kepelbagaiannya falsafah dan agama seperti Konfusianisme, Buddhisme Cina, Daoisme, Moisme, aliran Fa dan Islam.

Kekeluargaan

Institusi kekeluargaan merupakan elemen penting yang membantu membentuk akhlak dan sahsiah pelajar dalam kursus TITAS. Pelajar didedahkan dengan prinsip-prinsip kekeluargaan sebagai asas pembentukan masyarakat yang telah dihayati oleh kebanyakan tamadun terdahulu. Prinsip-prinsip ini mengandungi nilai-nilai akhlak dan moral untuk dihayati oleh para pelajar. Pembentukan keluarga merupakan unit terpenting dan asas untuk memastikan kesinambungan generasi manusia. Antaranya dalam topik Tamadun Melayu yang umumnya berpaksikan ajaran Islam, pelajar didedahkan dengan nilai-nilai dalam institusi kekeluargaan seperti berpegang kepada adat resam, menghormati orang yang lebih tua, mengutamakan ikatan kekeluargaan, meraikan tetamu, bersopan santun dan sebagainya (Osman Bakar et al. (eds.), 2009).

Kekeluargaan dalam Tamadun India bermula dengan kehidupan bekeluarga yang merupakan peringkat kehidupan yang kedua dalam *Ashrama dharma*. Struktur kekeluargaan masyarakat India memberi kebebasan yang terhad kepada golongan wanita. Wanita dijaga oleh keluarga sewaktu kecil dan apabila berkahwin berada dalam lingkungan keluarga dan suami (Sivapalan et al., 2002). Semasa berkahwin, pengantin akan berjanji untuk hidup bersama, memikul tanggungjawab sebagai suami isteri, mengabdikan diri kepada tuhan dengan mengekalkan hubungan harmoni sesama manusia dan makhluk lain di muka bumi serta melahirkan zuriat. Oleh sebab itu, menurut Veda, lelaki dan wanita yang berkahwin mestilah matang dari segi akal dan tubuh badan (Sastri, 1988).

Tamadun Cina menjelaskan kepentingan berkeluarga dan keperluan mengekalkan hubungan tersebut dalam suasana harmoni. Hal ini kerana sistem kemasyarakatan Cina adalah berdasarkan kepada sistem kekeluargaan yang menitikberatkan kuasa bapa serta nilai dan etika masyarakat (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Kesetiaan dan pertalian yang erat merupakan asas penting dalam konsep kekeluargaan masyarakat Cina yang mengamalkan ajaran Konfusianisme (Abd. Wahid dan Faezah, 2006). Menurut Ahmad Zaki et al. (2009), kaum wanita dalam tradisi Cina perlu mengamalkan tiga *devotions* dan empat *virtues*. Tiga *devotions* tersebut ialah patuh kepada bapa sebelum berkahwin, patuh kepada suami selepas berkahwin dan patuh kepada anak selepas kematian suami. *Virtues* pula merujuk kepada nilai moral seperti sopan, menjaga kekemasan diri, bersih dan berjasa kepada keluarga.

Ilmu dan Pendidikan

Ilmu dan pendidikan sangat penting dalam membentuk akhlak dan moral pelajar. Menerusi kursus TITAS pelajar didedahkan dengan Pengenalan Ilmu Ketamadunan yang mengandungi definisi tamadun, ciri-ciri dan konsep tamadun. Bahagian ini lebih mengengahkan gambaran-gambaran umum mengenai istilah-istilah lazim dalam wacana ketamadunan (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Terdapat beberapa konsep dan istilah yang perlu difahami pelajar bagi membolehkan mereka meletakkan pandangan dan persepsi yang benar mengenai ilmu ketamadunan. Antaranya definisi tamadun, ciri-ciri, kepercayaan dan agama, hubungan

tamadun dengan budaya, kelahiran dan kemerosotan tamadun, persamaan dan perbezaan tamadun serta interaksi (Osman Bakar et al. (eds.); 2009; Mohd Zuhdi, 2006). Ia merupakan asas utama kepada pelajar untuk memahami intipati pengajian ketamadunan apabila membicarakan isu-isu tamadun seterusnya. Kefahaman ini penting bukan sahaja untuk menjana intelektual malah mampu membentuk akhlak dan moral pelajar apabila mereka membuat sesuatu ukuran pencapaian tamadun sesebuah bangsa.

Pemikiran

Elemen pemikiran turut ditekankan dalam kursus TITAS yang dapat memberi kefahaman kepada pelajar mengenai nilai-nilai murni dalam masyarakat. Ia dimanifestasikan daripada pelbagai pemikiran dan agama yang dianuti yang akhirnya membentuk pandangan semesta masyarakat daripada pelbagai tamadun. Masyarakat tamadun Melayu mempunyai pandangan semesta yang berteraskan ajaran Islam. Sebagai umat Islam orang Melayu sangat berpegang pada akidah Islam sebagai asas pemikiran dan pandangan semestanya. Hal ini menyebabkan pemikiran tradisional orang Melayu disesuaikan dengan dasar-dasar akidah Islam. Namun, masih terdapat juga unsur-unsur pemikiran hasil daripada pandangan semesta sebelum Islam yang diwarisi sejak dulu dan disesuaikan dengan kehidupan sehari-hari mereka (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Hal ini digambarkan melalui peribahasa, perumpamaan, pepatah dan amalan kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu.

Sementara pemikiran orang India pula banyak bergantung pada falsafah dan pegangan agama masyarakat di India. Kebanyakan mereka adalah menganut agama Hindu yang mengandungi idea-idea agama, falsafah dan budaya. Antaranya mempercayai kelahiran semula, Tuhan yang mutlak, peraturan sebab akibat, mengaungkan keadilan dan keinginan untuk melepaskan diri dari kelahiran dan kematian (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Selain itu, pemikiran orang India juga terhasil daripada amalan ajaran Buddha yang mengutamakan *Dhamma* atau *Dharma* yang menerangkan Empat Kebenaran Mulia dan Lapan Jalan Mulia bagi mengatasi samsara iaitu kesengsaraan daripada kitaran kelahiran semula. Setiap orang perlu menjalankan kehidupan dengan baik dan menghindari *karma* dengan menjauahkan diri daripada segala perbuatan jahat (Osman Bakar et al. (eds.), 2009); (Sivapalan et al., 2002).

Masyarakat tamadun Cina mempunyai pemikiran berasaskan pandangan semesta mereka terhadap pelbagai konsep seperti konsep Tian, Dao, Taiji, Ying Yang dan Wuxing serta prinsip Zhongyong (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Selain itu mereka juga mengadaptasi pemikiran daripada amalan agama Konfusianisme, Buddhisme, Daoisme, Moisme, Aliran Fa dan Islam dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh ajaran Konfusianisme yang menekankan pengamalan nilai dan sifat moral yang mulia melalui kasih sayang atau peri kemanusiaan (*ren*), prinsip hidup, norma sosial, kod etika, adat resam dan upacara, persatuan dan sistem politik (*li*) dan ketaatan kepada ibu bapa (*xiao*) (Soo Kin Wah, 2002).

Kesenian

Hasil kesenian yang dihasilkan oleh tamadun Islam, Melayu, Cina dan India membantu membentuk akhlak pelajar kerana mencerminkan unsur-unsur ketamadunan yang tinggi. Perkembangan kesenian dalam tamadun Islam seperti bahasa dan tulisan, kesusasteraan, seni bina dan ukir, seni muzik dan lagu banyak dipengaruhi oleh al-Quran (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Manakala dalam tamadun Melayu penghasilan kesenian dipengaruhi oleh hubungan seorang seniman dengan alam sekitar dan nilai agamanya (serta nilai falsafah Melayu yang berteras Islam (Abu Hassan et al., 2002; Ahmad Zaki et al., 2009). Kebanyakan kesenian yang dihasilkan seperti seni tekstil, seni bina dan ukir lebih bercirikan flora dan fauna, seni persembahan seperti tarian menampilkan ciri kelembutan dan kesopanan orang Melayu. Kesenian juga mempamerkan kerajinan orang Melayu dalam menghasilkan seni tampak yang khusus seperti kendi, tempayan, labu dan sebagainya.

Perkembangan kesenian dan kesusasteraan dalam tamadun India juga dipengaruhi oleh alam semulajadi. Kesenian dalam tamadun India terbahagi kepada seni halus yang terdiri daripada muzik, tarian, drama, seni bina dan ukir serta seni lukis. Terdapat seni yang dihasilkan bersifat agama seperti seni lukis yang terdapat pada kebanyakan kuil gua (Sivapalan et al., 2002).

Kesenian dalam tamadun Cina adalah bersifat harmoni dengan alam semesta seperti muzik klasik, kaligrafi, seni lukis dan seni pembinaan. Menurut Teo Lay Teen (2002) kebanyakan lukisan Cina adalah bersifat simbolik dan simbol orkid dianggap paling terkenal dalam kategori tumbuh-tumbuhan kerana ia merupakan simbol Konfusian bagi kesucian dan kehalusan budi pekerti.

Kesusasteraan

Perkembangan kesusasteraan Melayu mempunyai kaitan dengan tradisi keintelektualan masyarakat Melayu melalui ciri-ciri akal budi dan kebijaksanaan mereka dalam menangani gelagat kehidupan (Abu Hassan et al., 2002). Ia dilihat dalam bentuk lisan seperti pantun peribahasa, simpulan bahasa, pepatah dan sebagainya. Manakala dalam bentuk tulisan seperti penghasilan karya dan hikayat.

Kesusasteraan India pula terbahagi kepada dua iaitu kesusasteraan Indo-Arya dan kesusasteraan Dravida. Kesusasteraan Indo-Arya terdiri daripada kesusasteraan vedik, kesusasteraan epik, drama, karya linguistik dan sastera cerita. Manakala kesusasteraan Dravida terdiri daripada Tolkappiyam, kesusasteraan Sangam, puisi Aham, puisi Puram, Tirukkural, kesusasteraan Bhakti dan karya-karya Bahasa (Sivapalan et al., 2002). Kebanyakan karya yang dihasilkan mencerminkan ketamadunan yang tinggi dalam kalangan masyarakat India kerana mempunyai tema-tema seperti kemasyarakatan, kehidupan seharian, keagamaan, moral seperti semangat keperwiraan, keadilan, berani, murah hati dan sebagainya.

Genre sastera Cina pula terdiri daripada puisi, prosa, drama dan fiksyen. Semua ini dihasilkan dengan gambaran yang mendalam mengenai kehidupan budaya dan adat resam masyarakat Cina (Teo Lay Teen, 2002). Dengan berpandukan modul TITAS pelajar boleh merujuk unsur-unsur sejagat yang ditekankan dalam aspek kesusasteraan.

Sains dan Teknologi

Sains dan teknologi merupakan salah satu elemen pembentukan akhlak dan moral yang terdapat dalam kursus TITAS. Sains dan teknologi yang dihasilkan oleh sebuah tamadun mencerminkan keperluan dan nilai kebudayaan tersendiri. Pencapaian sains dan teknologi dalam tamadun Islam, Melayu, India dan Cina secara tidak langsung menerapkan unsur-unsur akhlak dan moral dalam diri pelajar agar bermotivasi untuk melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah untuk kemajuan negara dan masyarakat.

Tamadun Islam memainkan peranan penting memperkenalkan sains dan teknologinya melalui kemunculan tokoh-tokoh ilmuan Islam seperti Ibnu Sina, Ibn Khaldun, Imam Al-Ghazali, Al-Biruni dan Al-Khawarizmi (Ali, 2002). Antara bidang yang menjadikan Islam pemangkin kepada perkembangan sains dan teknologi adalah seperti biologi, astronomi, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya (Osman Bakar et al. (eds.), 2009).

Pencapaian sains dan teknologi dalam tamadun Melayu pula mencerminkan keperluan dan nilai kebudayaan Melayu. Walaupun banyak menerima pengaruh daripada luar, namun, ia telah diubahsuai mengikut cita rasa kebudayaan Melayu sehingga menjadi satu bentuk lain yang menunjukkan daya kreatif kebudayaan dan kebijaksanaan tempatan (*local genius*) (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Antaranya ialah teknologi pertanian, teknologi alam bina, teknologi tekstil dan warna serta sains ukuran, timbangan dan sukanan.

Bidang sains dan teknologi dalam tamadun India dan tamadun Cina lebih memberi penekanan terhadap aspek fungsi dan kepentingan secara menyeluruh (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Kesempurnaan dalam bidang kerohanian menyumbang pengetahuan kepada orang India dalam bidang sains dan teknologi seperti matematik, astronomi, fizik, kimia, perubatan dan bidang logam yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan tamadun dunia (Osman Bakar et al. (eds.), 2009). Manakala dalam tamadun Cina termasuklah bidang pertanian, astronomi, matematik, perubatan, optik, kimia, calendar, farmakologi, geologi, seni bina, tenunan, perlombongan emas dan pelayaran (Teo Lay Teen, 2002).

Kesimpulan

Kursus TITAS yang ditawarkan adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk memperkembangkan potensi pelajar secara bersepadu bagi mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Terdapat elemen-elemen pembentukan akhlak dan moral dalam Modul

Pengajian TITAS dan teks rujukan utama yang digunakan di Universiti Malaya iaitu kepercayaan dan agama, kekeluargaan, ilmu, pemikiran, kesenian, kesusasteraan serta sains dan teknologi. Semua elemen ini sangat diperlukan bagi memupuk persefahaman, hormat menghormati dan kehidupan harmoni dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai bangsa dan agama.

Bibliografi

Al-Quran

Abd. Wahid Jais dan Faezah Kassim. (2006). "Interaksi Antara Tamadun", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abu Hassan Sham, Hashim Ismail, Hashim Musa, Rahmah Bujang & Yaacob Harun. (2002). "Bahasa, Kesusasteraan, Kesenian, Proses Sosialisasi dan Pembudayaan Masyarakat Melayu", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Amin. (1994). *Kitab al-Akhlaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi.

Ahmad Zaki Abd Latiff, Azam Hamzah & Azhar Mad Aros. (2009). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Buku Teks. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Ali Mohamad (2002), "Tokoh-tokoh Islam dan Sumbangannya dalam Pembinaan Tamadun Manusia" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ali Mohammad & Aizan Ali @ Mat Zin (2006), "Ilmu dan Pembangunan Masyarakat Islam", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Asmaran As. (1994). *Pengantar Studi Akhlak*. Cet. II. PT. Raja Gafindo Persada: Jakarta.

Aydin, Mehmet. (1992). "Islamic Ethics" dalam Lawrence C. Becker & Charlotte B. Becker (eds.). *Encyclopedia of Ethics*, Vol.1. New York: Garland Publishing Inc.

Bertens, K. (2003). *Etika dan Moral untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Borang Pemetaan: Kursus-Kemahiran Insaniah, UM-PT01-PK03-BR008-S01.

Borang Pro Forma Kursus – UM-PT01-PK03-BR003-S04.

Brown, K.W, Cozby P.C, Kee, D.K & Worden, P.E. (1999). *Research Methods in Human Development*. Mountain View, California: Mayfield Publishing Company.

- Elias, M. (2010), "Chacter Education: Better Students Better People", *The Education Digest*, Vol. 75, Iss. 7, Mac 2010, Ann Arbor.
- Ghazali Basri. (2007). "Penghayatan Nilai Moral dan Akhlak Dalam Konteks Pendidikan Umat Berbilang Agama Di Malaysia" dalam Ahmad Mohamad Said et al (eds.), *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah.
- Halstead, J.M. (2007). "Islamic Value: a Distintive Framework for Moral Education?", *Journal of Moral Education*, Vol. 36, Iss. 3, Sept 2007, Abingdon.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)*, Edisi Kedua. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2013). *Silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Khairul Anwar Mastor. (1995). "Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam di UKM: Maklum Balas Pelajar" dalam *Seminar Pendidikan Tamadun Islam Malaysia Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam: Konsep, Pengajaran, Pengembangan Dan Keberkesanan (15 April 1995, Bangi)*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khuram Hussain. (2007). "An Islamic Consideration of Western Moral Education: an Exploration of the Individual", *Journal of Moral Education*, Vol. 6, Iss. 3, Sept 2007, Abingdon.
- Mohamad Azhari. (2012). "Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus TITAS; Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar", dalam *Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI 2012)*. Kuala Lumpur.
- Mohamad Khairi Bin Haji Othman. (2004). Keberkesanan Pengajaran Kursus TITAS 1: Kajian Di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. *Jurnal Usuluddin*.
- Mohd. Balwi, Mohd. Koharuddin & Hassan, Zainudin (2003), "Pendidikan ketamadunan dan cabaran pembinaan Bangsa Malaysia : sejauhmanakah ia mampu memupuk nilai-nilai jati diri, persamaan, toleransi, persefahaman dan kejayaan di kalangan pelajar universiti. Satu perbincangan" (*kertas kerja Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan*, Puteri Pan Pasific, Johor Bahru, 19-21 Oktober 2003). Tajuk ini diakses di laman web: <http://eprints.utm.my/2340/>, 21/11/2017.
- Mohd. Zuhdi Marsuki (2006), "Konsep Tamadun", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nandu, A. (2010). *Breaking Racial Discrimination at UMS Labuan*. Sarawak: The Borneo Post, A5.

- Noresah bt. Baharom (eds.). (2005). *Kamus Dewan*, Edisi ke-4, Cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (eds.). (2009). *Modul Pengajian Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Othman Yatim. (1995). Pengenalan Pengajian Tamadun di UNIMAS. *Prosiding Seminar Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Poerwadarminto. (2006). *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Edisi III. Cet. III. Jakarta: Balai Pustaka.
- Roni, N. (2001). "Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS 1): Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar-pelajar Bukan Islam Tahun 3 Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai". Skudai: Kertas Projek Sarjana Muda Sains serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar et. al. (2011). *Kemahiran Insaniah dalam Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia: Perspektif Pelajar Universiti Malaysia Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Rozmi Ismail. (2017). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Runes, D.D. (1979). *Dictionary of Philosophy*. New Jersey, USA: Littlefield Adam and Co.
- S. Salahudin Suyurno, M. A. (2004). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Peringkat Ijazah Pertama: Kajian Kes di UiTM Shah Alam*. Shah Alam: Laporan Akhir Penyelidikan yang tidak diterbitkan, UiTM.
- Sastri A.M. (1988), *The Vedic Law of Marriage*. Madras: Asian Educational Services.
- Sivapalan, G., Rrajantheran, M. & Rajakrishnan, K. (2002). "Tamadun India: Masyarakat dan Budaya" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Soo Kin Wah. (2002). "Tamadun Cina: Asal Usul, Unsur-unsur Asas dan Orientasi Sistem Nilai" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Teo Lay Teen. (2002), "Tamadun Cina: Kesusastraan, Kesenian, Sains dan Teknologi Cina" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Thompson, D. (ed.). (1995). *The Concise Oxford Dictionary*. Clarendon Press: Oxford.